

Cuaca panas melampau punca strok haba, sawan

KOSMO

14/3/16

MIS 2

Oleh NOR SHAFAWATI YUP
dan MUHAMAD IQBAL MOHD. ZAZULI

KUALA LUMPUR - Fenomena cuaca panas terik yang sedang melanda negara sejak akhir-akhir ini boleh mengundang pelbagai masalah kesihatan terutamanya yang berkaitan dengan sistem pernafasan.

Pakar Perubatan Respiratori Hospital Pakar DEMC, Shah Alam, Dr. Zal Abdul Rahim berkata, antara penyakit lazim pada masa ini ialah sakit kepala yang teruk, ruam panas pada kulit, kejang otot, muntah, strok haba, dehidrasi, pitam dan batuk.

“Musim panas melampau ini juga boleh menyebabkan seseorang itu terkena strok haba iaitu suhu badan seseorang itu boleh meningkat secara mendadak



DR. ZAL



DR. ZULKORNAIN

melebihi 40.5 darjah Celsius berbanding suhu normal 37.0 darjah Celsius,” kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, penyelesaian bagi masalah kesihatan ketika cuaca panas ini ialah setiap individu perlu minum air dalam jumlah yang banyak dan mengurangkan aktiviti di luar rumah.

Sementara itu, Pakar Perubatan Hospital Pakar Salam Senawang di Negeri Sembilan, Datuk Seri Dr. Zulkornain Ahmad pula berkata, individu yang terdedah kepada cuaca panas ekstrem dalam tempoh yang lama boleh mengakibatkan sawan akibat dehidrasi air dalam badan.

“Walaupun dehidrasi itu nampak seperti masalah kecil dan selalu dipandang remeh, namun masalah itu mampu mengakibatkan seseorang terkena sawan dan jika ia lambat dirawat boleh menyebabkan komplikasi lain yang mengundang maut,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Oleh itu, beliau menasihati orang ramai supaya tidak mendedahkan diri terlalu lama di bawah terik cahaya matahari selain mengamalkan minuman air sebanyak mungkin.